

Yahya lancar ICoE-Kluster Pertanian

UB 2-12-2015 A4

KOTA KINABALU: Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Haji Yahya Hussin telah melancarkan Pusat Kecemerlangan Industri (Industry Centre of Excellence - ICoE) sempena perasmian Persidangan Pusat Kecemerlangan Industri Kebangsaan 2015 di Pacific Sutera Hotel, Isnin lepas.

ICoE merupakan 'program signature' Kementerian Pendidikan Tinggi yang menyokong pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi Negara (ETP).

ICoE Kluster Pertanian ditubuhkan untuk memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan dan perkongsian teknologi antara institusi pengajian tinggi dengan pihak industri

dalam sub sektor pertanian.

Empat program utama yang ditawarkan ialah Program Agro-Mentor, Agriculture Structured Internship Program, Training of Trainers dan Program Kebolehpasaran Graduan.

Yahya yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan turut menyerahkan sijil watakah kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai peneraju ICoE-Kluster Pertanian, selain watakah untuk industri penyokong dan syarikat peneraju/agensi penyokong.

Turut hadir di majlis itu ialah Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pengerusi Ahli Lembaga UMS Tun Zaki Tun Azmi.



YAHYA menyerahkan watakah universiti peneraju ICoE-Kluster Pertanian kepada Harun.